

Kerelevanan Prosa Klasik Digital dalam Pembelajaran Bahasa Melayu pada Era Revolusi Industri 5.0

Mardian Shah Omar*, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Mohd Fathul Khair Mohd Dahlan dan Nur Amirah Che Soh

Malay Linguistics Department, Academy of Malay Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan teknologi dalam era revolusi industri 5.0 telah memberi kesan kepada pelbagai bidang terutamanya pendidikan. Hal ini terlihat dalam pembelajaran prosa klasik Bahasa Melayu yang dianggap tidak lagi relevan dalam pembelajaran untuk generasi 5.0 hari ini. Prosa klasik dikatakan sukar untuk difahami dan bentuk penyampaiannya yang membosankan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti kerelevanan pembelajaran prosa klasik menerusi Komponen Sastera (KOMSAS) yang terkandung dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang disampaikan secara interaktif dan digital. Kajian ini juga mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam prosa klasik yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat kini terutamanya dalam kalangan golongan remaja yang lebih terdedah kepada dunia media sosial dan teknologi. Kajian ini mengaplikasikan kerangka teori kajian laras oleh Ure dan Ellis (1977) yang memusatkan aspek fungsi sosial pembelajaran prosa klasik terhadap masyarakat melalui kaedah gabungan, iaitu secara kuantitatif dan kualitatif. Responden yang terlibat terdiri daripada 70 orang dari pelbagai latar belakang seperti jantina, pendidikan, kerjaya dan gred pencapaian, iaitu yang dibuat secara rawak di sekitar kawasan negeri Selangor dan Lembah Klang. Kaedah penyelidikan secara kuantitatif deskriptif diaplikasikan, iaitu melalui medium soal

selidik. Hasil kajian mendapati, walaupun Malaysia sudah jauh ke hadapan dalam dunia teknologi, namun data menunjukkan bahawa adanya penerimaan terhadap pembelajaran prosa klasik ini. Elemen prosa klasik masih dianggap relevan dan perlu dikekalkan kandungannya dan perlu disampaikan secara digital dan interaktif. Pada masa yang sama, nilai murni serta etika yang tinggi dalam prosa klasik mampu membentuk jiwa yang

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 13 September 2023

Accepted: 18 December 2023

Published: 05 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.07>

E-mail addresses:

mardianso@um.edu.my (Mardian Shah Omar)

inmarlin@um.edu.my (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali)

fakhaimd@gmail.com (Mohd. Fathul Khair Mohd. Dahlan)

nuramirah_chesoh@um.edu.my (Nur Amirah Che Soh)

* Corresponding author

murni dalam kalangan remaja hari ini, iaitu dalam membentuk remaja yang kompeten dalam menghadapi cabaran era revolusi industri 5.0.

Kata kunci: Bahasa Melayu, Elemen prosa klasik, kerelevanan, nilai murni, teknologi

The Relevance of Digitised Classical Prose on the Learning of Malay Language in the Fifth Industrial Revolution

ABSTRACT

The development of technology in the era of the Fifth Industrial Revolution has had an impact on various fields, especially education. It is seen in learning of classical Malay prose, which is no longer relevant for the fifth generation today. Classical prose is said to be difficult to understand, and its form of delivery is boring. Hence, this study aims to identify the relevance of learning such prose in the Literature Component (KOMSAS) of the Malay Language subject syllabus delivered interactively and digitally. This research also attempted to identify values in classic proeses that can be applied to modern society, especially among youths exposed to social media and technology. This study applies the theoretical framework of adjustable studies by Ure and Ellis (1977), which focuses on aspects of the social function of classical prose learning in society through quantitative and qualitative methods. Seventy respondents comprising both genders and from various educational backgrounds, careers and achievements were selected randomly in Selangor and Klang Valley. The researchers then used questionnaires to retrieve data in a descriptive quantitative manner. The data collected showed that learning classic proeses is still accepted despite Malaysia being ahead in technology usage. Elements found in classic proeses are also considered relevant and should be retained digitally and interactively. Simultaneously, the positive values and high ethical standards highlighted in classic prose could nurture competent teenagers when facing the challenges put forth by the Fifth Industrial Revolution.

Keywords: Elements of classic proeses, Malay Language, relevance, values, technology

PENGENALAN

Antara sektor yang mengalami impak arus ledakan perkembangan teknologi hari ini ialah sektor masyarakat. Perkembangan ini terkesan sekali gus membawa perubahan kepada aspek pembelajaran mahupun pengajaran di sekolah. Keperluan pembelajaran secara digital ini bukan lagi

sebagai wadah sampingan, malah menjadi satu kewajipan dalam mengukuhkan aspek pembelajaran dalam kalangan generasi 5.0 hari ini. Keperluan ini turut memberi kesan kepada pembelajaran prosa klasik, iaitu antara Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Di sini, Aziz (2008b) menjelaskan bahawa kesusasteraan klasik merupakan bentuk

sastera yang masih kekal relevan dan sentiasa subur dalam kalangan masyarakat Melayu. Sikana (2020) pula menyatakan bahawa sastera klasik suara bangsa Melayu pada suatu masa dahulu. Sejumlah karya sastera yang telah berkembang pada suatu zaman silam, citra kebestarian dan genius Melayu. Dari segi bentuk, sastera Melayu klasik terbahagi kepada dua: bentuk puisi dan prosa (Piah et al., 2000). Namun begitu, dalam kertas kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada aspek pembelajaran prosa klasik yang bersesuaian dengan tajuk yang dibincangkan. Rata-rata murid dan ibu bapa beranggapan prosa klasik yang diselitkan dalam teks KOMSAS menerusi antologi-antologi karya sastera daripada tingkatan satu sehingga lima di sekolah hari ini tidak mempunyai kesinambungan dengan realiti semasa dan dianggap tidak memenuhi keperluan masa depan pelajar dalam mendepani revolusi 5.0. Ringkasnya, prosa klasik ini dilihat tidak sejajar dengan dunia pendidikan yang berteraskan teknologi. Hal ini terjadi apabila wujudnya pemikiran dan pandangan negatif segelintir masyarakat terhadap pembelajaran sastera. Ishak (2017) berpandangan bahawa situasi ini berlaku menerusi pembelajaran KOMSAS itu sendiri yang menjadi sebahagian daripada proses pembentukan masyarakat-masyarakat sastera kerana karya yang dipilih dan kaedah pembelajaran yang tidak mampu menggambarkan wajah sebenar sastera dan persuratan Melayu kini. Lontaran pandangan oleh Ishak (2017) berasaskan objektif KOMSAS itu sendiri yang bukannya untuk memperkenalkan sastera, sebaliknya untuk

memenuhi keperluan keindahan bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikatif. Justeru, prosa klasik yang juga merupakan komponen sastera tersebut telah dianggap remeh dan tidak penting bagi pembangunan sahsiah pelajar bagi memenuhi tuntutan masyarakat 5.0 pada hari ini.

Masyarakat revolusi 5.0 merupakan sebuah masyarakat yang dapat menguasai kehidupan di alam maya dan alam fizikal (Adel, 2022). Penyataan ini disokong oleh Sarsaiya et al. (2019) dengan menyatakan bahawa masyarakat yang dapat menguasai kehidupan di alam ini perlulah selari dengan teknologi pengkomputeran serta data raya yang meluas. Ini kerana teknologi memainkan peranan penting dalam pendidikan dengan memberikan pelajar akses kepada pelbagai sumber pembelajaran, menjadikannya lebih mudah bagi guru untuk memperibadikan pengalaman pembelajaran dan membuka peluang kepada pelajar untuk mengakses alat pembelajaran yang bersifat lebih mutakhir dan canggih (Al-Emran & Al-Sharafi, 2022; Al-Sharafi et al., 2023). Proses ini sekali gus dapat memberikan nilai baharu kepada masyarakat untuk memiliki potensi yang jauh lebih maju dalam mempercepatkan proses transformasi pendidikan yang berteraskan teknologi terkini.

Pada masa yang sama, permasalahan yang meruncing dalam pembelajaran prosa klasik dapat dilihat menerusi kaedah pembelajaran sastera itu sendiri yang tidak seiring dengan perkembangan teknologi yang ada. Menurut Ismail (2023), kesan

ketara yang dapat dilihat dalam permasalahan prosa tradisional adalah apabila permintaan dan penjenamaan sastera Melayu dalam kalangan masyarakat pascamerdeka berkurangan. Senario ini menjadi ancaman utama dalam perkembangan sastera klasik itu sendiri. Berdasarkan pernyataan ini, keadaan semasa pembelajaran prosa klasik dilihat kurang memberikan impak kerana dianggap sesuatu yang membosankan dengan pemahaman kosa kata yang menyukarkan pelajar serta penggunaan ayat yang panjang dan berbelit-belit. Hal ini secara tidak langsung menjadikan pelajar kurang bermotivasi untuk mempelajari prosa klasik dan memberikan kesan kepada guru terhadap pengajaran aspek prosa klasik di dalam kelas. Dalam dapatan lain, Rashid (2022) merumuskan bahawa murid-murid yang mempelajari prosa klasik dalam KOMSAS menghadapi halangan untuk memahami kandungan teks itu sendiri, terutamanya murid yang bukan bumiputera. Murid-murid berpandangan bahawa mereka sukar memahami kandungan cerita yang terkandung dalam teks prosa klasik yang perlu mereka pelajari sekali gus sukar untuk mereka menguasainya dalam peperiksaan.

Menurut Faizah, situasi ini berlaku apabila murid-murid bukan bumiputera ini asing dengan peristilahan bahasa klasik yang tidak pernah mereka temui dalam teks-teks bacaan mereka pada hari ini. Selain itu, hal ini turut dibincangkan oleh Zakaria (2015) serta Ismail dan Mahamod (2016) yang menyatakan bahawa murid kurang minat dalam pembelajaran sastera dan menganggap ia membosankan dan

tidak menepati selera generasi remaja hari ini. Mereka hanya membaca teks-teks sastera prosa klasik seperti yang disuruh atau diminta oleh guru mereka pada setiap sesi pembelajaran (Peng, 2011). Umumnya, kaedah pengajaran masih bersifat konvensional. Hamid (2001) turut membangkitkan tentang persoalan pembelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah serta nilai ekonominya. Hamid (2001) menyatakan bahawa Kesusasteraan Melayu dipinggirkan di sekolah dan bukti keterpinggirannya dapat dilihat dengan jelas apabila mata pelajaran ini bukan lagi menjadi pilihan murid di sekolah. Hamid (2001) turut menyifatkan tanggapan masyarakat terhadap pembelajaran prosa klasik semakin tiada masa depan, tidak dapat berkembang dan hanya untuk golongan yang tertentu sahaja. Pembelajaran prosa klasik dikatakan sebagai syok sendiri, berkhayal dan tidak menyumbang kepada pembangunan negara terutamanya dalam melahirkan masyarakat 5.0.

Oleh sebab timbulnya pelbagai isu dan pandangan tentang elemen prosa klasik dalam pembelajaran KOMSAS pada era ini, maka kajian perlu dilakukan bagi meneliti persepsi masyarakat terhadap perkara ini dan menilai kerelevanannya dalam sistem pendidikan yang seiring dengan arus kemajuan dunia teknologi dan informasi. Ringkasnya, kajian ini mahu mengenal pasti sejauh manakah penerimaan masyarakat 5.0 terhadap elemen prosa klasik dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Apakah bentuk kaedah penyampaian dan nilai-nilai yang perlu ditonjolkan atau

dibangkitkan dalam prosa klasik agar kekal relevan dalam pembelajaran Bahasa Melayu? Bagaimanakah nilai-nilai ini dapat disampaikan kepada pelajar agar dapat membangkitkan penghayatan yang dapat memberi kesan kepada generasi muda revolusi 5.0?

Bertitik tolak daripada persoalan-persoalan inilah, satu penelitian terhadap isu kerelevanan pembelajaran prosa klasik harus disingkap agar satu usaha ke arah kebaikan dapat dilaksanakan. Dalam hal ini, Ribeiro (2015) menyatakan bahawa perkembangan pesat teknologi komputer dan akses mudah Internet untuk mendapatkan maklumat daripada laman web di seluruh dunia telah melangkaui batas antara sekolah dengan dunia luar. Hal ini turut disokong oleh Anderson et al. (2018) yang menyatakan bahawa dengan adanya kemudahan teknologi dan akses Internet yang semakin berkembang maju, sebagai guru, mereka tidak perlu bekerja keras untuk melibatkan kerjasama daripada ibu bapa kerana murid-murid ini bermotivasi tinggi untuk menyelesaikan tugas pembelajaran secara digital. Dalam konteks pembelajaran prosa klasik di negara ini, guru-guru perlu menyokong dan mendorong murid untuk memanfaatkan media dan pembelajaran secara dalam talian seperti penghasilan video interaktif, paparan multimedia untuk menyelidik tema-tema dan persoalan-persoalan yang terkandung dalam prosa klasik sekali gus menggalakkan mereka mempelajari Bahasa Melayu dengan baik. Selaras dengan itu, kajian ini cuba melihat persepsi masyarakat terhadap kepentingan

pembelajaran prosa klasik melalui medium digital atau teknologi.

Umumnya, prosa merujuk kepada hasil kesusasteraan yang ditulis dalam gaya ayat-ayat biasa menggunakan struktur tatabahasa yang mudah. Aziz (2008a) menyatakan bahawa susunan ayat dalam sastera jenis prosa disusun dalam bentuk karangan. Dalam Jaafar (2016), prosa Melayu klasik diwakili oleh cerita berbentuk hikayat. Antara contoh teks prosa klasik yang digunakan di sekolah adalah seperti *Asal Padi* (Tingkatan 1), *Bahagia Sesudah Derita* (Tingkatan 3) dan *Burung Terbang Dipipiskan Lada* (Tingkatan 5). H. S. Salleh (2003) pula menyatakan bahawa prosa tradisional atau prosa klasik menekankan kebijaksanaan pengarang dalam memilih, menggarap dan mengerjakan teksnya dan sastera klasik berfungsi sebagai peneman dan penghibur serta memiliki magis bahasa dan kehalusan susunannya. Hal ini terbukti apabila kandungan prosa klasik itu sendiri menggunakan bahasa-bahasa yang halus dan indah serta penceritaannya yang mampu mempersonakan pembacanya dengan jalan cerita dan situasi yang terdapat dalam sesebuah teks klasik.

Prosa Melayu klasik menurut M. N. Salleh (2003) mempunyai dua jenis tulisan, iaitu tulisan naratif dan tulisan bukan naratif. Dalam Abidin et al. (2018), bidang kesusasteraan Melayu tradisional terdiri daripada sastera lisan dan sastera tulisan. Sastera tulisan yang juga dikenali sebagai prosa Melayu klasik menjadi simbol kepada identiti masyarakat Melayu dan merupakan tatacara kehidupan mereka

untuk mewariskan panduan adab dan tingkah laku yang betul sebagai panduan membentuk akhlak dan keperibadian yang baik seiring dengan pembangunan negara dalam mencapai modal insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani dan intelektual. Justeru, wajarlah kajian ini dilakukan agar khazanah intelektual Melayu tradisional dapat diangkat dan dilestarikan selari dengan agenda pemodenan teknologi dalam sistem pendidikan hari ini.

Terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada pelajar dalam meminati pembelajaran prosa klasik di sekolah mahupun dalam menghayati mesej-mesej positif yang terkandung di dalamnya. Selain permasalahan yang timbul daripada kaedah penyampaian guru, persepsi pelajar yang negatif terhadap subjek ini turut menghimpit prosa klasik ini sebagai satu elemen yang dipinggirkan (Mahamod & Noor, 2011). Menurut Wong dan Khambari (2017), pembelajaran prosa klasik yang diajarkan sebelum ini dianggap sukar difahami dan juga membosankan. Dalam hal ini, mereka turut mengatakan bahawa pemilihan medium pengajaran prosa klasik dalam KOMSAS yang bersesuaian dengan gaya pemikiran remaja pada hari ini adalah perlu agar dapat membantu murid yang terdiri daripada pelbagai aras pengetahuan mempelajari prosa klasik dengan baik.

Pada masa yang sama, guru sebagai tenaga pengajar merasakan bahawa mereka kurang berkemahiran dan penguasaan dalam aspek prosa klasik itu sendiri (Wong dan Khambari, 2017). Selain itu, Mahamod dan Noor (2011) mendapati

bahawa terdapatnya bebanan kurikulum dan sukatan pelajaran yang banyak turut memaksa guru menggunakan kaedah konvensional, iaitu dengan membaca teks dan menjawab pemahaman daripada teks prosa klasik tersebut. Pembelajaran prosa klasik melalui aktiviti pemahaman, iaitu yang sering dilakukan oleh guru tidak memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam kelas sekali gus menyebabkan pelajar sukar untuk memahami teks prosa klasik yang dipelajarinya. Justeru, satu kaedah yang lebih praktikal dan interaktif perlu difikirkan agar para pelajar terangsang dengan pengajaran yang disampaikan oleh guru. Namun, faktor persekitaran turut mengekang kreativiti guru dalam menggunakan kaedah yang lebih kreatif dan berinovasi dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu (Alghazo, 2006; Mahamod & Noor, 2011). Hal inilah yang menyebabkan prosa klasik semakin kurang diminati oleh pelajar pada hari ini kerana mereka kini merupakan kumpulan generasi yang lebih terdedah kepada kecanggihan teknologi digital dan penggunaan media sosial.

Dalam kajian oleh Bakthaselvan et al. (2022), turut menyatakan bahawa terdapat sebilangan guru yang ada kurang mahir dalam penggunaan teknologi dan multimedia. Permasalahan yang timbul dalam kalangan guru telah menyebabkan perkara ini semakin membimbangkan sekali gus mempengaruhi objektif pembelajaran dan sikap pelajar terhadap prosa klasik itu sendiri (Bakthaselvan et al., 2022).

Jadi, hal ini telah mendorong guru yang mengajar tetap kekal dalam menggunakan kaedah pengajaran yang lama dan tidak mampu menarik minat pelajar dalam menjiwai sukatan pelajaran ini. Syed (2003) menjelaskan bahawa kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan tenaga pengajar adalah sangat penting. Menurut beliau lagi, bagi memastikan pembelajaran prosa klasik yang menarik, berkesan dan difahami oleh murid, guru mestilah menguasai kemahiran ini dan mengintegrasikannya dalam pengajaran memandangkan perkembangan dunia globalisasi masa ini. Ringkasnya, guru perlulah mahir dan bijak mengendalikan peralatan teknologi dan tidak boleh lagi bergantung dengan kaedah pengajaran tradisional seperti *chalk and talk* semata-mata malah guru perlu bijak dalam memilih medium pengajaran yang lebih interaktif dan kreatif agar para pelajar generasi hari ini dapat meminati dan menghayati intipati yang terkandung dalam pembelajaran prosa klasik ini.

Menerusi kajian oleh Abidin et al. (2018) terhadap minat dan motivasi pelajar tentang pembelajaran prosa klasik dalam Komponen Sastera (KOMSAS), menunjukkan bahawa minat murid terhadap bidang ini amat rendah dan mereka juga tidak menguasai genre ini dengan sebaiknya. Hal ini disebabkan oleh persepsi murid terhadap pembelajaran prosa klasik sebagai susah dan membosankan tambahan pula tidak memahami perkataan-perkataan klasik yang terdapat dalam teks yang dipelajari. Abidin et al. (2020) berpendapat

bahawa ramai dalam kalangan guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa prosa tradisional atau prosa klasik merupakan genre kesusasteraan yang sukar dikuasai murid. Dalam Supartinah (2013), genre kesusasteraan klasik pada hari ini kurang mendapat perhatian daripada generasi celik teknologi hari ini berbanding dengan genre kesusasteraan moden. Hal ini disebabkan oleh generasi muda dewasa ini kurang mengenali dan jarang didedahkan dengan realiti kehidupan masyarakat Melayu tradisi.

Penetapan objektif kajian ini adalah daripada situasi semasa yang berlaku terhadap pembelajaran prosa klasik. Objektif ini memfokuskan isu yang dipilih bagi mendapatkan jalan penyelesaian seterusnya menambah baik kekurangan yang terdapat dalam pembelajaran prosa klasik yang semakin meruncing. Selain itu, penulisan objektif bagi kajian ini dirujuk daripada kajian-kajian yang dilaksanakan oleh para pengkaji terhadap pembelajaran prosa klasik yang terkandung dalam Komponen Sastera (KOMSAS) menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu. Objektif ini menjadi alat kawalan kepada pengkaji dalam membina item-item instrumen untuk mengumpulkan dan menganalisis data yang diperolehi. Justeru, kajian ini menggariskan dua objektif utama sebagai sandaran kepada pembinaan kajian ini, iaitu pertamanya bagi mengenal pasti kerelevanan pembelajaran prosa klasik pada era kecanggihan teknologi ini dan menghuraikan nilai positif yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat 5.0 pada hari ini terutamanya dalam kalangan golongan remaja.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan dua kaedah pengumpulan data: (1) kaedah kualitatif deskriptif yang berdasarkan penganalisisan teks dan (2) kaedah kuantitatif yang melalui taburan soal selidik. Dalam kajian ini, keseluruhan sampel adalah daripada pelbagai latar belakang demografi yang dikawal oleh pengkaji menggunakan instrumen soal selidik. Pengkaji memilih 85 orang dalam lingkungan populasi sasaran yang mengandungi semua unsur yang hendak dikaji dan dapat diperolehi (Mohamed, 2017). Mengikut jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel kajian perlu mewakili populasi. Sampel yang digunakan ialah seramai 70 orang dan kesemuanya dipilih dalam kalangan populasi yang terdiri daripada 85 orang awam. Penggunaan soal selidik dalam pemerolehan data kajian merupakan cara yang paling mudah untuk mengumpul dan merekodkan data daripada ratusan dan ribuan responden (Munn & Drever, 1990). Instrumen soal selidik ini juga telah diuji kebolehpercayaannya dengan nilai 0.986, iaitu kadar kebolehpercayaan yang tinggi berdasarkan nilai Cronbach's alpha (Bond & Fox, 2007). Pengkaji membina instrumen soal selidik menggunakan kombinasi soalan, iaitu pendekatan soalan respons terbuka dan soalan respons terhad. Tujuan pengkaji menggunakan soalan respons terbuka adalah untuk membenarkan responden memberikan pandangan dan saranan tanpa dipengaruhi oleh pengkaji (McGuirk & O'Neill, 2016; Reja et al., 2003). Soalan respons terhad pula terbahagi kepada dua bahagian: (1) demografi responden dan (2) soal selidik

tentang kerelevanan pembelajaran prosa klasik dengan menggunakan skala Likert. Dari segi kesahan luarannya, soal selidik yang dibina telah disemak oleh pakar bahasa, iaitu Munsyi Dewan yang dilantik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Setiap item soal selidik dianalisis dalam aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Semua maklumat dan data diklasifikasikan dengan kod-kod yang tertentu oleh pengkaji dan dianalisis mengikut objektif kajian. Pengkaji telah menetapkan lima tema yang mewakili jawapan responden untuk memudahkan pengkaji melaksanakan analisis data. Tema-tema yang dikenal pasti pula terdiri daripada jenis biasa dan umum menurut Creswell dan Guetterman (2021) seperti yang dijangkakan oleh pengkaji sendiri.

Kerangka teori atau kerangka konsep merupakan asas kepada keseluruhan oleh penyelidikan. Kerangka teori dapat dibangunkan berdasarkan sorotan literatur dan tinjauan (Sunassee & Sewry, 2002). Kerangka teori bagi kajian yang dijalankan ini menerapkan kerangka seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.

Penganalisisan kajian ini mengaplikasikan pendekatan yang digagaskan oleh Ure dan Ellis (1977), iaitu bagi menganalisis data laras bahasa dalam teks prosa klasik. Aspek laras bahasa ini penting dalam meneliti penggunaan kosa kata, frasa dan ayat dalam teks prosa klasik. Kesukaran memahami makna kosa kata, kandungan makna dalam penceritaan serta nilai-nilai tertentu yang terdapat dalam teks-teks prosa klasik yang menjadi kekangan kepada pelajar dan guru dalam



Rajah 1. Kerangka kajian laras Ure dan Ellis (1977)

menangani aspek prosa klasik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Di sini, pengkaji mendapati aspek laras bahasa oleh Ure dan Ellis (1977) ini adalah wajar untuk diaplikasikan dalam penganalisan data kajian. Pendekatan ini diterapkan setelah pengkaji melihat kepentingan peristiwa bahasa sebagai fokus utama terhadap kajian laras dalam pembelajaran prosa klasik ini. Merujuk kepada pandangan Ure dan Ellis (1977) dalam Karim (2005), setiap penggunaan bahasa memerlukan satu situasi sosial atau peristiwa bahasa. Oleh hal yang demikian, terdapat ciri-ciri keperihal dan ciri-ciri linguistik yang wujud dalam sesuatu penggunaan bahasa itu menurut mereka.

Namun begitu, dalam pelaksanaan kajian laras berkaitan prosa klasik ini, pengkaji hanya memfokuskan aspek fungsi sosial perlakuan bahasa yang terkandung di bawah subbahagian ciri-ciri keperihal. Pengkaji melihat pembelajaran prosa klasik ini mempunyai hubungan yang jelas dengan

fungsi sosial dan perlakuan bahasanya. Dalam konteks kajian ini, selain pengkaji melihat penerimaan prosa klasik ini dalam era revolusi teknologi, pengkaji turut meneliti nilai dan etika yang terkandung dalam prosa klasik itu sendiri berupaya membentuk jati diri masyarakat 5.0. Selain itu, pengkaji turut meneliti persepsi responden terhadap aplikasi teknologi dan medium digital dalam penyampaian dan pengajaran prosa klasik. Omar et al. (2021) mengatakan bahawa penggunaan dan manipulasi genre sastera melalui media elektronik, perisian komputer, bentuk grafik, dan cara lain dapat membantu pelajar dan guru untuk memahami serta menyampaikan kandungan prosa klasik yang dipelajari. Dalam hal ini, guru-guru yang mengajar prosa klasik dalam KOMSAS mestilah kreatif dan imaginatif, serta memiliki kebolehan teknologi maklumat yang terkini dengan inovasi pendidikan seperti diadaptasi dalam teks video, animasi, grafik dan sebagainya.

ANALISIS DAPATAN DATA

Jadual 1 hingga 6 merujuk dapatan data kajian berdasarkan demografi responden, manakala Jadual 7 hingga 11 merupakan jadual pemetaan dapatan maklum balas daripada 70 orang responden yang disaring menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) yang memenuhi piawai soal selidik yang menggunakan skala Likert dengan jenis lima skala, iaitu yang ditandai dengan L1 hingga L5. Jadual 7 hingga 11 pula, masing-masing merujuk kepada beberapa aspek tertentu seperti maklum balas responden terhadap pengetahuan tentang pembelajaran prosa klasik, kepentingan pembelajaran prosa klasik, ketidakperluan pembelajaran prosa klasik, minat terhadap pembelajaran prosa klasik dan akhir sekali berkaitan masa depan pembelajaran prosa klasik.

Jadual 1 menunjukkan dapatan data tentang latar belakang jantina responden yang terlibat dalam soal selidik ini. Data yang diperoleh menunjukkan sebanyak 20 orang (28.6%) mewakili responden lelaki manakala 50 orang (71.4%) mewakili responden perempuan. Data yang ditunjukkan dalam Jadual 2 pula merujuk kepada taraf pendidikan responden yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Responden-responden ini adalah daripada dua latar belakang pendidikan yang berbeza, iaitu pendidikan menengah dan pendidikan daripada institut pengajian tinggi

awam (IPTA) dalam negara. Sebanyak 29 orang responden (41.4%) yang menjawab soal selidik ini mempunyai pendidikan menengah yang relatifnya merujuk kepada pelajar sekolah menengah kerana mereka masih bersekolah lagi. Selebihnya ialah responden yang mendapat pendidikan tinggi daripada IPTA dalam negara, iaitu sebanyak 41 orang (58.6%). Hal ini menunjukkan bahawa kesemua responden yang mengambil bahagian dalam soal selidik kajian pembelajaran prosa klasik adalah daripada responden yang pernah dan mempelajari prosa klasik.

Jadual 3 mempunyai perkaitan dengan Jadual 2 yang menyentuh latar belakang pendidikan responden. Dalam Jadual 3, dapatan yang diperoleh pengkaji adalah daripada murid, pelajar IPT dan guru. Bagi responden yang mewakili murid, bilangannya adalah sebanyak 21 orang (30.0%). Seramai 16 orang (22.9%) terdiri daripada pelajar IPT dan 33 orang (47.1%) pula daripada guru sekolah menengah.

Jadual 3 pula menunjukkan gred pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan responden yang terlibat dalam penyelidikan ini. Seramai 56 orang (80.0%) responden memperoleh gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi gred B pula seramai 13 orang (18.6%) responden yang memperolehnya, manakala terdapat seorang responden yang

Jadual 1
Jantina responden

| Perkara | Lelaki | | Perempuan | | Jumlah | Peratus (%) |
|---------|--------|------|-----------|------|--------|-------------|
| | Bil. | % | Bil. | % | | |
| Jantina | 20 | 28.6 | 50 | 71.4 | 70 | 100 |

Jadual 2
Taraf pendidikan responden

| Perkara | Bilangan | Peratus (%) |
|-------------------|----------|-------------|
| Menengah | 29 | 41.4 |
| IPTA dalam Negara | 41 | 58.6 |
| Jumlah | 70 | 100.0 |

Jadual 3
Kerjaya responden

| Perkara | Bilangan | Peratus (%) |
|-------------|----------|-------------|
| Murid | 21 | 30.0 |
| Pelajar IPT | 16 | 22.9 |
| Guru | 33 | 47.1 |
| Jumlah | 70 | 100.0 |

memperoleh gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan responden yang disaring masih dalam lingkungan yang baik dan memuaskan. Daripada rumusan data dalam Jadual 1 hingga 4, kesemua dapatan data yang diperolehi merangkumi angkubah sosial yang diperlukan oleh pengkaji bagi melihat kesinambungan antara aspek sosial dan item-item soalan dalam soal selidik ini.

Jadual 5 pula menunjukkan maklum balas responden tentang prosa klasik. Dapatan ini diperolehi daripada soalan respons terbuka dalam soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji. Responden

Jadual 4
Gred pencapaian bahasa melayu responden

| Perkara | Bilangan | Peratus (%) |
|---------|----------|-------------|
| A | 56 | 80.0 |
| B | 13 | 18.6 |
| C | 1 | 1.4 |
| Jumlah | 70 | 100.0 |

yang terlibat cenderung memberikan pelbagai maklum balas dan menyebabkan pengkaji menggunakan pendekatan tematik untuk menyaring maklum balas responden ini. Analisis secara tematik dianggap sebagai kaedah yang sesuai digunakan dalam pelbagai lapangan bidang kajian untuk mengenal pasti pandangan seseorang (Alhojailan, 2012).

Pengkaji telah menetapkan lima tema yang mewakili jawapan responden untuk memudahkan pengkaji melaksanakan analisis data. Seramai lapan orang responden (11.4%) yang menyatakan bahawa mereka mengetahui tentang aspek prosa klasik ini hanyalah daripada pembelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Tema pembelajaran ini bersifat umum kerana responden yang menyatakan aspek ini adalah terdiri daripada murid, pelajar dan guru sekolah sendiri. Bagi tema yang seterusnya, seramai 10 orang responden (14.3%) menyatakan mereka mengetahui tentang prosa klasik daripada pembacaan mereka sendiri. Seramai tiga orang responden (4.3%) yang menyatakan bahawa mereka mengetahui dan sedar akan kewujudan prosa klasik ini daripada carian internet. Tema sekolah menunjukkan

Jadual 5
Maklum balas responden tentang prosa klasik

| Perkara | Bilangan | Peratus (%) |
|--------------|----------|-------------|
| Pembelajaran | 8 | 11.4 |
| Pembacaan | 10 | 14.3 |
| Internet | 3 | 4.3 |
| Sekolah | 48 | 68.6 |
| Rakan | 1 | 1.4 |
| Jumlah | 70 | 100.0 |

bilangan responden yang paling ramai, iaitu 48 orang (68.6%). Hal ini menjelaskan bahawa majoriti responden mengetahui tentang prosa klasik ini ketika pembelajaran KOMSAS di sekolah. Hanya seorang responden (1.4%) yang mengetahui kewujudan prosa klasik ini daripada rakan sama ada di sekolah atau rakan sejawatan.

Dapatan yang terdapat dalam Jadual 6 ialah persepsi responden terhadap prosa klasik. Seramai 33 orang responden (47.1%) menyatakan minat terhadap prosa klasik yang dipelajari di sekolah. Sebanyak 35 orang responden (50.0%) pula memilih kurang minat terhadap prosa klasik dan hanya dua orang (2.9%) yang menyatakan tidak minat kepada prosa klasik. Berdasarkan dapatan yang diperoleh menerusi ruangan sebab yang disediakan oleh pengkaji dalam soal selidik, responden menyatakan kurang minat terhadap pembelajaran prosa klasik semasa

di sekolah adalah kerana teksnya yang sukar difahami, bahasa yang digunakan terlalu asing dan tinggi, ayat yang digunakan dalam teks prosa klasik berbelit-belit dan bentuk pengajaran yang sama serta tidak pelbagai yang mampu menarik perhatian pelajar.

Jadual 7 menunjukkan data maklum balas responden bagi keseluruhan bahagian B, iaitu aspek pengetahuan responden terhadap pembelajaran prosa klasik. Data yang berikutnya menunjukkan 84.3% daripada responden bersetuju dan sangat bersetuju menyatakan bahawa mereka menyedari prosa klasik sudah lama ada dalam Komponen Sastera (KOMSAS) Bahasa Melayu (S1). Hanya 4.3% responden yang menyatakan sangat tidak bersetuju terhadap pernyataan ini. Dalam hal ini, responden yang terlibat menyedari kewujudan prosa klasik dalam KOMSAS menerusi pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Rata-rata responden yang terlibat dengan kajian ini menyatakan setuju dan sangat setuju bahawa mereka memahami tujuan pembelajaran prosa klasik dalam Bahasa Melayu (S2), iaitu dengan peratusan sebanyak 77.1%, manakala 4.3% responden memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap pernyataan ini.

Jadual 6
Minat responden tentang prosa klasik

| Perkara | Bilangan | Peratus (%) |
|--------------|----------|-------------|
| Minat | 33 | 47.1 |
| Kurang Minat | 35 | 50.0 |
| Tidak Minat | 2 | 2.9 |
| Jumlah | 70 | 100.0 |

Jadual 7
Maklum balas tentang pengetahuan terhadap pembelajaran prosa klasik

| Soalan | Indikator | | | | | | | | | | Jumlah | % |
|--------|-----------|-----|------|------|------|------|------|------|------|------|--------|-----|
| | L1 | | L2 | | L3 | | L4 | | L5 | | | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | | |
| S1 | 3 | 4.3 | - | 0.0 | 8 | 11.4 | 25 | 35.7 | 34 | 48.6 | 70 | 100 |
| S2 | 1 | 1.4 | 2 | 2.9 | 13 | 18.6 | 33 | 47.1 | 21 | 30.0 | | |
| S3 | 1 | 1.4 | 4 | 5.7 | 12 | 17.1 | 34 | 48.6 | 19 | 27.1 | | |
| S4 | 3 | 4.3 | 3 | 4.3 | 9 | 12.9 | 30 | 42.9 | 25 | 35.7 | | |
| S5 | 1 | 1.4 | 10 | 14.3 | 15 | 21.4 | 24 | 34.3 | 20 | 28.6 | | |

Pembelajaran prosa klasik yang selari dengan keperluan masyarakat Revolusi Industri 5.0 hari ini sudah pasti akan memberi manfaat kepada pelajar dalam meningkatkan kualiti hidup masing-masing dengan nilai-nilai yang diterapkan dalam teks prosa klasik tersebut. Responden juga menyatakan mereka memahami faedah pembelajaran prosa klasik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (S3), iaitu dengan nilai peratus sebanyak 75.7% dan selebihnya sebanyak 7.1% untuk skala tidak setuju dan sangat tidak setuju serta 17.1% bagi responden yang tidak pasti terhadap faedah yang diperoleh dalam pembelajaran prosa klasik. Sebanyak 78.6% bersetuju dan sangat setuju bahawa mereka menyedari pembelajaran prosa klasik sama pentingnya dengan pembelajaran prosa moden (S4). Hal ini berkait rapat dengan S3 kerana responden menyedari hakikat bahawa pembelajaran prosa klasik mempunyai faedah dan kepentingannya pada masa ini. Terdapat 8.6% responden tidak setuju dan sangat tidak setuju tentang kepentingan pembelajaran prosa klasik. Dapatan akhir dalam aspek pengetahuan responden terhadap pembelajaran prosa

klasik, pengkaji mendapati bahawa responden menyatakan minat mereka untuk mengetahui keunikan unsur sastera dalam prosa klasik (S5). Data yang diperoleh menunjukkan sebanyak 62.9% bersetuju dan sangat setuju dengan pernyataan S5. Pada masa yang sama, 21.4% responden berasa tidak pasti dan 15.7% responden tidak setuju serta sangat tidak setuju dengan pernyataan ini atas sebab faktor kurang minat dan berpendapat pembelajaran prosa klasik ini membosankan.

Data yang ditunjukkan melalui Jadual 8 pula menjelaskan maklum balas responden bagi keseluruhan bahagian C, iaitu aspek kepentingan pembelajaran prosa klasik yang menyumbang kepada data kajian persepsi ini. Berdasarkan data yang berikutnya, sebanyak 91.4% responden yang tergolong dalam kelompok bersetuju dan sangat setuju bahawa prosa klasik seperti cerita rakyat mampu membentuk moral positif dalam diri pembaca (S1). Responden juga menyatakan bahawa mereka berasa yakin bahawa prosa klasik merakamkan peristiwa-peristiwa bersejarah yang perlu dipelajari dan diinsafi oleh generasi pada masa akan datang (S2) dalam melahirkan masyarakat harmoni dan

Jadual 8
Maklum balas tentang kepentingan pembelajaran prosa klasik

| Soalan | Indikator | | | | | | | | | | Jumlah | % |
|--------|-----------|-----|------|-----|------|------|------|------|------|------|--------|-----|
| | L1 | | L2 | | L3 | | L4 | | L5 | | | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | | |
| S1 | 3 | 4.3 | 1 | 1.4 | 2 | 2.9 | 24 | 34.3 | 40 | 57.1 | 70 | 100 |
| S2 | 2 | 2.9 | 1 | 1.4 | 5 | 7.1 | 24 | 34.3 | 38 | 54.3 | | |
| S3 | 1 | 1.4 | 2 | 2.9 | 4 | 5.7 | 25 | 35.7 | 38 | 54.3 | | |
| S4 | 3 | 4.3 | 1 | 1.4 | 5 | 7.1 | 28 | 40.0 | 33 | 47.1 | | |
| S5 | 1 | 1.4 | 6 | 8.6 | 16 | 22.9 | 22 | 31.4 | 25 | 35.7 | | |

berperikemanusiaan. Hal ini ditunjukkan dengan nilai peratusan sebanyak 88.6%.

Prosa klasik yang dipelajari juga bukan sahaja untuk murid dan guru mengetahui peristiwa-peristiwa bersejarah yang didokumentasikan. Sebanyak 90% bersetuju dan sangat setuju dengan menyatakan kisah dalam prosa klasik mampu menyemai jati diri dan mempunyai nilai murni yang tinggi (S3). Sesungguhnya nilai positif ini merupakan aspek penting dalam melahirkan masyarakat 5.0. Dapatan dalam S3 juga menunjukkan 4.3% responden berpendapat tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Dalam pada itu, 87.1% responden bersetuju dan sangat setuju dengan pandangan bahawa pembelajaran prosa klasik menyedarkan mereka tentang peranan dan tanggungjawab sosial untuk menjadi masyarakat berilmu (S4). Hal ini berikutan teks-teks prosa klasik yang digunakan dalam pembelajaran KOMSAS di sekolah banyak mengetengahkan aspek nilai terhadap kepentingan ilmu dan nasihat-nasihat untuk menjadi seorang manusia yang berguna. Di sinilah dapat ditunjukkan kerelevanan prosa klasik ini dalam membentuk masyarakat pada era 5.0 ini. Pembelajaran prosa klasik juga dapat membantu responden untuk mengkaji manuskrip-manuskrip Melayu lama yang mengandungi khazanah ilmu nenek moyang dahulu (S5). Jika dirujuk pada unjuran dapatan soal selidik, sebanyak 87.1% responden bersetuju dan sangat setuju dengan kenyataan ini kerana mereka sedar akan kepentingan prosa klasik yang terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

untuk mereka gali dan meneroka khazanah keilmuan dalam manuskrip Melayu klasik.

Dalam dapatan data yang berikutnya, nilai peratusan responden yang setuju serta sangat setuju dan tidak pasti terhadap pernyataan kandungan prosa klasik yang bersifat luar kotak pemikiran manusia menyebabkan mereka berasa teruja untuk mempelajarinya (S4) kelihatan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Bagi indikator L4 dan L5, nilai peratus keseluruhannya ialah 38.6% manakala bagi indikator L3 pula sebanyak 35.7%. Dapatan terakhir dalam jadual ini adalah tentang penggunaan bahasa yang indah dalam prosa klasik membantu responden meningkatkan penguasaan bahasa Melayu (S5) dan menunjukkan peratusnya sebanyak 67.1%. Hal ini jelas bahawa melalui pembelajaran prosa klasik, responden berupaya meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka ke peringkat yang lebih baik disebabkan oleh pengayaan kosa kata yang luar daripada kebiasaan.

Data yang dipaparkan dalam Jadual 9 ialah dapatan soal selidik yang memfokuskan aspek masa depan pembelajaran prosa klasik. Dalam bahagian ini, pengkaji memberikan soal selidik berkaitan keperluan prosa klasik menerima saduran atau adaptasi teknologi bagi menjamin kerelevanannya pada masa ini dan akan datang. Hasil analisis data yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa responden bersetuju dan sangat setuju sekiranya karya-karya prosa klasik diadaptasi menjadi sebuah karya filem atau animasi serta diperbanyak untuk menarik minat generasi muda (S1) yang membawa

nilai peratus sebanyak 85.3%. Dapatan ini membuktikan bahawa masyarakat masih menerima karya prosa klasik diangkat menjadi salah satu karya visual untuk menggalakkan generasi muda mendalami inti cerita hikayat-hikayat lama melalui medium yang lebih sesuai dengan generasi 5.0 hari ini. Pendekatan yang lebih canggih perlu diterapkan dalam pembelajaran prosa klasik ini agar remaja pada hari ini terus gemar sekali gus menghayati intipati positif yang dapat membentuk masyarakat 5.0 yang mampan.

Pengkaji mendapati bahawa 82.9% responden bersetuju dan sangat setuju sekiranya pada era teknologi ini, hikayat-hikayat lama dapat diterbitkan dalam bentuk e-komik, *webtoon* atau buku digital bergambar dan interaktif (S2). Selain itu, Jadual 9 ini juga memaparkan pandangan responden yang terlibat dalam kajian persepsi ini. Dalam S3, pengkaji mendapati bahawa kira-kira 81.5% responden menyatakan bahawa mereka setuju dan sangat setuju apabila cerita-cerita dalam prosa klasik wajar dibangunkan menjadi sebuah aplikasi permainan video atau permainan dalam talian yang semakin mendapat tempat

dalam kalangan generasi muda kini. Hal ini selaras dengan gagasan dalam mendepani ilmu pendidikan masyarakat 5.0. Hasil data ini juga menunjukkan 84.3% responden bersetuju dan sangat bersetuju sekiranya watak-watak dalam hikayat lama dijadikan sebagai adiwira permainan dalam talian atau permainan video dengan memasukkan elemen-elemen misi mencabar yang tertentu berdasarkan jalan cerita asalnya (S4). Lantaran itu, responden juga berpendapat bahawa mereka bersetuju dan sangat bersetuju sekiranya pembelajaran prosa klasik akan menjadi lebih menarik jika bahan bantu belajar diadaptasi dengan aspek teknologi maklumat (S5). Dapatannya menunjukkan nilai peratus tersebut sebanyak 85.7%.

PERBINCANGAN

Menyedari hakikat kepentingan pembelajaran prosa klasik sebagai alat yang berfungsi untuk menanam unsur-unsur insaniah, menghaluskan perasaan manusia dan memperkaya pengetahuan manusia, M. N. Salleh (2003) berpandangan bahawa inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperkenalkan KOMSAS

Jadual 9
Maklum balas tentang masa depan pembelajaran prosa klasik

| Soalan | Indikator | | | | | | | | | | Jumlah | % |
|--------|-----------|-----|------|-----|------|------|------|------|------|------|--------|-----|
| | L1 | | L2 | | L3 | | L4 | | L5 | | | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | | |
| S1 | 3 | 4.3 | 2 | 2.9 | 6 | 8.6 | 21 | 30.0 | 38 | 54.3 | | |
| S2 | 4 | 5.7 | 2 | 2.9 | 6 | 8.6 | 17 | 24.3 | 41 | 58.6 | | |
| S3 | 4 | 5.7 | 2 | 2.9 | 7 | 10.0 | 23 | 32.9 | 34 | 48.6 | 70 | 100 |
| S4 | 4 | 5.7 | 1 | 1.4 | 6 | 8.6 | 23 | 32.9 | 36 | 51.4 | | |
| S5 | 3 | 4.3 | 2 | 2.9 | 5 | 7.1 | 25 | 35.7 | 35 | 50.0 | | |

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di seluruh negara ialah satu tindakan yang wajar dan tepat. Berpandukan pendekatan Ure dan Ellis (1977) yang menyentuh aspek fungsi sosial perlakuan bahasa dalam kajian laras, pengkaji berpandangan bahawa pembelajaran prosa klasik yang dilaksanakan menerusi KOMSAS amat menitikberatkan persoalan nilai dan kepentingannya. Nilai-nilai yang ditonjolkan dalam pembelajaran prosa klasik dilihat mampu membentuk penghayatan moral positif dan menyemai jati diri serta mempunyai nilai murni yang tinggi yang menjadi keutamaan dalam membentuk masyarakat 5.0.

Penerapan nilai yang terkandung dalam teks prosa klasik yang dipelajari ini boleh diadaptasi oleh guru dengan pendekatan teknologi dan medium multimedia seperti permainan digital, animasi dan video interaktif yang dapat merangsang minat pelajar dan guru terhadap prosa klasik. Perkara ini turut disokong oleh pernyataan oleh Omar et al. (2021) yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi sebagai alat PdP membantu penyampaian konsep pembelajaran dengan lebih berkesan serta memudahkan tugas guru. Kajian ini turut mendapati adanya nilai perpaduan dan integrasi kaum yang diselitkan dalam elemen prosa klasik yang kurang dibangkitkan dalam pengajaran guru yang sepatutnya dapat dijadikan pemangkin kepada pelajar hari ini dalam membentuk sebuah negara yang bersatu tanpa mengira bangsa dan agama. Penemuan ini secara tidak langsung membuktikan objektif

kedua kajian ini telah tercapai. Di sini pengkaji bersetuju dengan pandangan Ahmad (2017) yang menekankan tentang pengetahuan dan keperluan kaedah naratif atau penceritaan oleh guru dalam pengajaran dan penyampaian prosa klasik ini. Kaedah ini bukan sahaja dapat memberi pemahaman yang lebih, malah dapat meningkatkan penghayatan pelajar terhadap nilai-nilai yang diketengahkan dalam teks prosa tersebut.

Efendi and Muttaqien (2017) turut mengulas tentang fungsi nilai dan etika yang terkandung dalam bahan prosa klasik yang digunakan dalam pembelajaran, iaitu yang menyatakan bahawa terdapat banyak nilai yang baik dapat diaplikasikan oleh pembaca menerusi pembelajaran hikayat-hikayat lama. Pembelajaran prosa klasik ini meskipun sering kali dianggap membosankan dan sukar untuk difahami kandungannya. Kita harus peka akan usaha dan iltizam pengarang dan pencerita prosa klasik yang sentiasa menyampaikan nilai-nilai murni dan keperibadian tinggi dalam karya-karya klasik. Nilai-nilai tentang keagamaan, kenegaraan dan integriti masyarakat seumpamanya dalam *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* wajar diberikan perhatian oleh semua lapisan masyarakat demi membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi dan kental. Pendidikan seperti ini sekiranya disampaikan dengan cara yang tepat dan menarik sudah pastinya mampu meningkatkan minat remaja hari ini terhadap pembelajaran prosa klasik sekali gus menyuntik mereka dengan nilai-

nilai yang dapat membantu mereka lebih bersedia dalam berhadapan dengan cabaran revolusi 5.0 ini.

Perkembangan pesat dalam dunia teknologi membuka peluang yang lebih besar dalam menukar pendekatan cara pembelajaran, memperoleh maklumat dan mengaplikasikannya dalam ilmu pengetahuan. Berdasarkan dapatan respons terbuka daripada responden yang terlibat menunjukkan bahawa terdapatnya cadangan dan pandangan bagi menterjemahkan teks dan kandungan prosa klasik ini dalam bentuk digital seperti animasi, video interaktif, permainan digital dan infografik kreatif. Hal ini selaras dengan pernyataan oleh Noor et al. (2012) yang menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan teknologi dan multimedia mampu memberikan kesan positif kepada murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Keperluan ini dilihat sejajar dengan rentak kemajuan dalam teknologi pendidikan hari ini. Hal ini terbukti apabila murid dilihat lebih bersemangat dan memberikan tumpuan yang sepenuhnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran tentang prosa klasik yang menggunakan pendekatan teknologi seperti penggunaan perisian multimedia yang menarik berbanding dengan kaedah konvensional.

Data kajian turut menunjukkan bahawa tugas guru menjadi mudah dan penyampaian pengajaran lebih berkesan apabila prosa klasik disampaikan dalam bentuk interaktif digital. Selain itu, pembelajaran prosa klasik juga tidak bersifat jumud, iaitu

yang tertumpu di dalam kelas semata-mata. Melihat kepada keadaan kini, para guru boleh juga mempelbagaikan cara dan kaedah pengajaran yang bersifat interaktif untuk menarik minat murid mempelajari prosa klasik tanpa berasa bosan. Kaedah pengajaran yang bersifat interaktif ini termasuklah aktiviti melayari video-video melalui YouTube dan penggunaan bahan sumber pengajaran digital yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan dalam pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA)* secara percuma. Maklum balas daripada responden sangat menggalakkan sekiranya terdapat usaha untuk mengangkat watak-watak dalam hikayat lama dijadikan adiwira seperti Hang Tuah, Mat Jenin, Badang, Malim Deman, Dang Anum, Puteri Gunung Ledang dan Hang Nadim menerusi permainan dalam talian atau permainan video dengan memasukkan elemen misi yang mencabar berdasarkan jalan ceritanya. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat dalam kalangan generasi muda yang kini amat meminati permainan video dan permainan dalam talian.

Dengan wujudnya aplikasi-aplikasi teknologi dan digital seperti Canva, Slidesgo, TikTok dan sebagainya guru perlu mengambil peluang yang terbuka ini untuk mengaplikasikannya. Aplikasi TikTok umpamanya, remaja pada hari ini sangat gemar menggunakan aplikasi media sosial ini. Guru boleh memanipulasikan tujuan asal aplikasi ini daripada hiburan semata-mata kepada pengisian pembelajaran bagi menarik minat murid-murid terhadap

pembelajaran prosa klasik. Hasil kajian ini juga bersetuju bahawa kisah-kisah daripada hikayat lama ini perlu diberikan nafas baharu dengan menerbitkannya dalam bentuk visual seperti webtoon yang lebih efisien. Transformasi digital dalam bidang pendidikan ini semestinya dapat membangunkan sistem pendidikan yang lebih berkualiti, iaitu yang mampu bersaing dengan sistem pendidikan yang terdapat di negara-negara maju yang lain.

KESIMPULAN

Pembelajaran prosa klasik didapati masih relevan dan wajar diteruskan dalam sistem pendidikan sekolah pada hari ini, namun corak penyampaiannya perlulah diberikan nafas baharu, iaitu bersesuaian dengan perkembangan dunia teknologi Revolusi Industri 5.0. Hal ini selaras dengan peruntukan yang telah disasarkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 dan Dasar Pendidikan Digital Negara. Sesebuah negara maju perlulah mempunyai sistem pendidikan yang baik dan berintergrasi, iaitu yang dapat menyatukan keterampilan jati diri yang hebat dengan pemikiran yang kreatif. Sesungguhnya, pembelajaran prosa klasik ini sebenarnya mampu menyumbang kepada pembangunan modal insan yang menjuruskan kepada pembentukan nilai peribadi, pembinaan moral positif dan menghaluskan nurani dan jiwa seseorang melalui pembelajaran karya sastera.

Hasil kajian ini mendapati bahawa masyarakat hari ini masih mahukan pembelajaran prosa klasik ini diteruskan

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh ketinggian estetika yang terdapat dalam penggunaan bahasa prosa klasik turut menyantuni kehalusan nurani dan peribadi yang dimiliki oleh golongan perempuan yang lebih mendorong mereka untuk meminati elemen prosa klasik ini berbanding dengan golongan lelaki. Pembelajaran prosa klasik ini masih relevan untuk dipelajari apabila responden yang terlibat dengan soal selidik ini berasa tidak setuju dan sangat tidak setuju sekiranya prosa klasik ini digugurkan daripada bahan teks pembelajaran KOMSAS. Mereka berpendapat demikian kerana prosa klasik ini dilihat sebagai khazanah keilmuan masyarakat Melayu yang sarat dengan nilai dan susilanya serta kecerdikannya. Sekiranya prosa klasik ini tidak dipelajari, generasi muda pada hari ini dan akan datang tidak akan mengetahui kisah-kisah yang berlaku pada zaman dahulu untuk diteladani dan dijadikan iktibar dalam mendepani kehidupan mereka seterusnya. Jati diri yang teguh dan kecerdikan pada akal yang tinggi mampu mempersiapkan generasi hari ini dalam mengharungi era revolusi industri 5.0.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Indrawati Zahid selaku Timbalan Dekan, Penyelidikan dan Penciptaan Nilai & Perusahaan, Akademi Pengajian Melayu yang menganjurkan Bengkel Penulisan Artikel Isu Khas dengan kerjasama Pusat Penerbit, UPM.

RUJUKAN

- Abidin, N. Z., Said, R. R., & Sabil, A. M. (2018). Interest and motivation of students on traditional prose teaching in Malay language literature component. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 1747-1757. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i11/5351>
- Abidin, N. Z., Said, R. R., Sabil, A. M., & Ayub, A. F. M. (2020). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 prosa tradisional di sekolah menengah. *Al-Qiyam International Social Science and Humanities Journal*, 3(3), 67 - 82.
- Adel, A. (2022). Future of industry 5.0 in society: Human-centric solutions, challenges and prospective research areas. *Journal of Cloud Computing*, 11(1), 1-15. <https://doi.org/10.1186/s13677-022-00314-5>
- Ahmad, R. (2017). Keupayaan menggunakan KOMSAS sebagai kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 65-76.
- Al-Emran, M., & Al-Sharafi, M. A. (2022). Revolutionizing education with industry 5.0: Challenges and future research agendas. *International Journal of Information Technology*, 6(3), 1-5.
- AlGhazo, I. M. (2006). Student attitudes toward web-enhanced instruction in an educational technology course. *College Student Journal*, 40(3), 620.
- Alhojailan, M. I. (2012, October 14-17). *Thematic analysis: A critical review of its process and evaluation*. [Paper presentation]. WEI International European Academic Conference Proceedings, Zagreb, Croatia.
- Al-Sharafi, M. A., Al-Emran, M., Arpaci, I., Marques, G., Namoun, A., & Iahad, N. A. (2023). Examining the impact of psychological, social, and quality factors on the continuous intention to use virtual meeting platforms during and beyond COVID-19 pandemic: A hybrid SEM-ANN approach. *International Journal of Human-Computer Interaction*, 39(13), 2673-2685. <https://doi.org/10.1080/10447318.2022.2084036>
- Anderson, J., Chung, Y. C., & Macleroy, V. (2018). Creative and critical approaches to language learning and digital technology: Findings from a multilingual digital storytelling project. *Language and Education*, 32(3), 195-211. <https://doi.org/10.1080/09500782.2018.1430151>
- Aziz, S. H. A. (2008a). *Bahasa Melayu I*. Oxford Fajar Press.
- Aziz, S. H. A. (2008b). *Bahasa Melayu II*. Oxford Fajar Press.
- Bakthaselvan, L., Hussin, M. S. H. B., & Yue, W. S. (2022). Pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pendidikan Bahasa Melayu: Pandemik COVID-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 55-68.
- Bond, T. G., & Fox, C. M., (2007). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences* (2nd ed.). Lawrence Erlbaum Associates.
- Creswell, J. W., & Guetterman T. C. (2021). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (6th ed.). Pearson Education Limited.
- Efendi, A. N., & Muttaqien, M. Z. (2017). Educational values in Hikayat Hang Tuah Malay folktale. *Journal of Language and Literature*. 2(2), 131-143. <https://doi.org/10.22515/ljbs.v2i2.646>
- Hamid, R. A. (2001). *Kesusasteraan dan masa depannya*. Dewan Sastera.
- Ishak, M. L. (2017, November 6). Sistem pendidikan terpisah punca mentaliti negatif sastera. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/11/347319/sistem-pendidikan-terpisah-punca-mentaliti-negatif-sastera>

- Ismail, N. H. (2023, January 6). Cabaran dalam perkembangan kesusasteraan Melayu. *Dewan Sastera*. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/01/06/7389/>
- Ismail, N., & Mahamod, Z. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 59-67.
- Jaafar, M. F. (2016). Gaya ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 341-361.
- Karim, A. R. A. (2005). Kitab Tib: Satu analisis laras perubatan. *Jurnal Bahasa*, 5(2), 72-79.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Mahamod, Z., & Noor, N. A. M. (2011). Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 11(3), 163-177.
- McGuirk, P. M. & O'Neill, P. (2016). Using questionnaires in qualitative human geography. In I. Hay (Ed.) *Qualitative research methods in human geography* (pp. 246-273). Oxford University Press.
- Mohamed, B. F. (2017). *Metodologi penyelidikan: Panduan menulis tesis*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Munn, P., & Drever, E. (1990). *Using questionnaires in small-scale research. A teachers' guide*. ERIC.
- Noor, N. A. M., Mahamod, Z., Hamat, A., & Embi, M. A. (2012). Persepsi pelajar terhadap aplikasi perisian multimedia dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 1-16.
- Omar, I. M., Mamat, S., Sulaiman, S., & Ismail, N. A. (2021). Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan KOMSAS guru Bahasa Melayu di Kelantan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 47-60.
- Peng, C. F. (2011). Pendekatan kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 111-136.
- Piah, H. M., Hamid, I., Salleh, S. H., Sham, A. H., Kaeh, A. R., & Ahmad, J. (2000). *Kesusasteraan Melayu tradisional edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashid, F. A. (2022). Cabaran belajar subjek Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan bumiputera di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 13-22. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.2.2022>
- Reja, U., Manfreda, K. L., Hlebec, V., & Vehovar, V. (2003). Open-ended vs. close-ended questions in web questionnaires. *Developments in Applied Statistics*, 19(1), 159-177.
- Ribeiro, S. (2015). Digital storytelling: An integrated approach to language learning for the 21st century student. *Teaching English with technology*, 15(2), 39-53.
- Salleh, H. S. (2003). *Puitika sastera Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, M. N. (2003, September 22-25). *Prosa Melayu dalam kurikulum sekolah: Tumpuan kepada teks-teks antologi KOMSAS*. [Paper presentation]. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-3, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sarsaiya, S., Jain, A., Awasthi, S. K., Duan, Y., Awasthi, M. K., & Shi, J. (2019). Microbial dynamics for lignocellulosic waste bioconversion and its importance with modern circular economy, challenges and future perspectives. *Bioresource*

- technology*, 291, 121905. <https://doi.org/10.1016/j.biortech.2019.121905>
- Sikana, M. (2020, November 15). Legasi emas sastra klasik. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/110207/khas/pendapat/legasi-emas-sastra-klasik>
- Sunasse, N. N., & Sewry, D. A. (2002). *A theoretical framework for knowledge management implementation*. In Proceedings of the 2002 annual research conference of the South African institute of computer scientists and information technologists on Enablement through technology (pp. 235-245). *South African Institute for Computer Scientists and Information Technologists*.
- Supartinah, M. H. (2013, October 7-10). *Contribution of Nusantara children classic literature for culture-visioned primary education*. [Paper presentation]. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education 2013, Johor, Malaysia*.
- Syed, Z. S. M. (2003). *Kesusasteraan Melayu tradisional dalam kurikulum sekolah*. [Paper presentation]. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-3. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ure, J., & S Ellis, J. (1977). Register in descriptive linguistics and linguistic sociology. In O. U. Villegas (Ed.) *Issues in sociolinguistics* (pp. 197-243). De Gruyter Mouton.
- Wong, L. T., & Khambari, M. N. M. (2017). Kaedah pemilihan media pengajaran Komponen Sastra (KOMSAS) oleh guru cemerlang Bahasa Melayu. *International Journal of Educational and Training*, 3(2), 1-11.
- Zakaria, S. N. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastra Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.

